



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

SIARAN MEDIA

MAHA 2022 PAMERAN PERTANIAN TERUNGGUL

SERDANG, 6 OGOS 2022 – Majlis Perasmian Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) Tahun 2022 berlangsung gilang gemilang, dirasmikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, disini hari ini.

Sebanyak RM50 juta diperuntukkan kepada individu termasuk siswazah yang berminat memulakan perniagaan mikro berasaskan makanan di rumah menerusi **Program Pembiayaan PEMULIH NewBiz**.

“Individu termasuk graduan yang ingin memulakan perniagaan mikro berasaskan makanan di rumah (*home-based*), membeli mesin bagi tujuan perniagaan makanan, atau pembelian motosikal bagi tujuan penghantaran makanan menerusi platform e-hailing dan seumpamanya,” kata Perdana Menteri.

Di bawah program ini, pemohon diberikan moratorium bagi tempoh 6 bulan pertama dan dikenakan tiga peratus kadar keuntungan bagi bulan ketujuh dengan tempoh maksimum pembiayaan sehingga 60 bulan atau 5 tahun.

Dalam Majlis Perasmian MAHA 2022 yang disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri disini hari ini, beliau turut menyampaikan Anugerah Perdana Sektor Agromakanan bagi Anugerah Agro MAHA 2022 yang diadakan sempena sambutan bersama **Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK)**.

Anugerah Perdana Sektor Agromakanan telah dipilih berdasarkan daripada 16 pemenang Anugerah Agro Award MAHA 2022 dan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Besut telah dinobatkan sebagai penerima anugerah itu yang turut membawa pulang trofi, sijil serta hadiah tunai berjumlah RM50,000.

Anugerah Agro MAHA 2022 ini diadakan sebagai tanda penghargaan Kerajaan terhadap sumbangan peladang, penternak, nelayan yang sentiasa giat memainkan peranan sebagai penyumbang utama pengeluaran makanan negara. Sebanyak 17 buah anugerah telah

dipertandingkan dalam Anugerah Agro MAHA 2022, dimana anugerah yang dipertandingkan merupakan lanjutan daripada anugerah pada peringkat Hari Peladang, Penternak, Dan Nelayan Kebangsaan tahun 2021.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata Anugerah Agro MAHA 2022 ini diharap dapat memberi suntikan motivasi dan dorongan kepada individu, masyarakat serta pemain industri agromakanan supaya lebih positif terhadap pemodenan serta transformasi sektor tanaman, penternakan, akuakultur dan pemprosesan.

“Sesungguhnya, ini adalah tanda penghargaan yang amat bermakna buat Keluarga Malaysia khususnya peladang, penternak dan nelayan termasuk pemain-pemain industri di atas jasa dan pengorbanan yang tidak ternilai harganya,” ujar Dr Ronald.

Pemilihan Tema MAHA 2022: “Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan” atau “Food Security for the Future” adalah tepat dan selari dengan komitmen Kerajaan Keluarga Malaysia untuk memberi tumpuan memperkukuh sekuriti makanan negara dalam menghadapi pelbagai cabaran.

Objektif utama penganjuran adalah untuk mempromosikan sektor agromakanan dan industri makanan dengan mengetengahkan kepelbagaian produk, kejayaan-kejayaan perusahaan serta pelbagai inisiatif yang diambil oleh agensi-agensi kerajaan dan swasta. MAHA juga merupakan ruang untuk mempamerkan peluang-peluang perniagaan yang ditawarkan oleh industri pertanian yang sedang berkembang pesat.

MAHA 2022 menawarkan rangkaian kenalan perniagaan baharu bagi mempelajari kaedah dan inovasi pertanian terkini supaya masyarakat pertanian Malaysia cakna serta dapat mengambil bahagian dalam gerakan menerajui revolusi pertanian era IR 4.0 yang sedang berlaku di seluruh dunia.

Edisi MAHA pada tahun ini memberi sorotan utama kepada keseluruhan ekosistem dan rantaian nilai sektor pertanian daripada pembekal input sehingga kepada penyedia perkhidmatan sokongan dan logistik dan akhir sekali pengguna individu sebagai pembeli. MAHA 2022 menjadi lebih istimewa kerana ia merupakan acara ‘Hybrid’ pertama di mana acara platform langsung dan maya digabungkan.

MAHA 2022 turut mendapat sambutan penajaan yang sangat menggalakkan dari pemain industri di pelbagai sektor. MAFI merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas pembelian pakej-pakej penajaan serta sumbangan *in-kind* yang secara tidak langsung menjadi bukti

keyakinan industri terhadap penganjuran MAHA 2022 sebagai agenda untuk melonjakkan ekonomi dan sekuriti makanan masa hadapan.

Pembeli pakej penajaan MAHA 2022 antaranya 4 *Title Sponsors* iaitu Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dan FGV Holdings Bhd (FGV) serta beberapa syarikat korporat lain seperti PLS Plantations Berhad, Kumpulan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak, Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Mitsubishi Motors Malaysia, Ancom Nylex, PS Food & Beverages Sdn Bhd, Sawit Emas, FAMA Corporation Sdn Bhd, Doesata Malaysia, Summerfield, NCIG (M) Sdn Bhd, Green World Genetics (GWG), Koperasi Coop Pertama Bank, Adabi, BW Gallery Sdn Bhd, Milagro, Ramly dan Bank Rakyat. Selain itu, beberapa syarikat korporat turut menyumbang secara *in-kind* seperti Warisan Ads, Target Orion Star, Ninja Van, Pgeon Express, Celcom Axiata Berhad, PanPages Trinity Sdn Bhd, Platform Apps Sdn Bhd (MyCar) dan Senang Pay.

Penganjuran MAHA 2022 menjadi indikator utama dalam usaha kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memacu pemulihan sektor pertanian dan agromakanan negara selain membantu usahawan tani untuk pulih dan menjamin sekuriti makanan negara.

Kerajaan akan terus memainkan peranan efektif dengan kerjasama semua pihak dalam menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat pada harga berpatutan secara berterusan untuk kesejahteraan Keluarga Malaysia.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
6 OGOS 2022

AGRO AWARD MAHA 2022 (ANUGERAH AGRO MAHA 2022)
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

OBJEKTIF

- Agro Award MAHA 2022 (Anugerah Agro MAHA 2022) diperkenalkan buat julung kalinya sempena penganjuran MAHA 2022 sebagai pengiktirafan kerajaan terhadap pemain-pemain industri yang terdiri daripada individu-individu pengusaha, petani, penternak, nelayan, unit berkumpulan, organisasi, pertubuhan-pertubuhan atau syarikat-syarikat swasta yang terlibat secara langsung dalam pembangunan sektor agromakanan negara.
- Agro Award MAHA 2022 (Anugerah Agro MAHA 2022) diperkenalkan dilaksanakan secara pertandingan yang mana setiap penyertaan peserta akan dinilai secara berperingkat di bawah 16 anugerah/ kategori berbeza. Satu pemenang akan dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Perdana Sektor Agromakanan berdasarkan kriteria penilaian yang telah ditetapkan.
- Pertandingan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu individu, unit atau berkumpulan dan organisasi atau swasta.

ANUGERAH YANG DIPERTANDINGKAN

1. Anugerah Perdana Sektor Agromakanan
2. Anugerah Peladangnya Terbaik
3. Anugerah Peneraju Akuakultur
4. Anugerah Kumpulannya Terbaik
5. Anugerah Peneraju Agroteknologi Terbaik
6. Anugerah Pemasar Industri Tani Terbaik
7. Anugerah Peladang Lelaki Terbaik
8. Anugerah Penternak Waja
9. Anugerah Agropreneur Muda
10. Anugerah Nelayan Terbaik
11. Anugerah Unit Peladang Terbaik
12. Anugerah Pertubuhan Peladang Terbaik
13. Anugerah Peneraju Inovasi Agromakanan
14. Anugerah Kumpulan Tani Komersil Terbaik
15. Anugerah Persatuan Nelayan Terbaik
16. Anugerah Bintang E-Dagang Agro
17. Anugerah Peneraju Industri Padi

HADIAH BAGI KATEGORI PERTANDINGAN

KATEGORI	WANG TUNAI	HADIAH
Individu	RM 20,000.00	Trofi dan sijil
Unit atau berkumpulan	RM 25,000.00	Trofi dan sijil
Organisasi atau syarikat swasta	RM30,000.00	Trofi dan sijil
Anugerah Perdana	RM50,000.00	Trofi dan sijil

SENARAI PEMENANG AGRO AWARD MAHA 2022 (ANUGERAH AGRO MAHA 2022)

BIL	NAMA ANUGERAH	PEMENANG
1	Anugerah Perdana Sektor Agromakanan	
2	Anugerah Peladagnita Terbaik	Puan Norazizah binti Amri Perak
3	Anugerah Peneraju Akuakultur	GK Aqua Sdn Bhd Negeri Sembilan
4	Anugerah Kumpulannita Terbaik	KPW Seri Utama Johor
5	Anugerah Peneraju Agroteknologi Terbaik	BoomGrow Productions Sdn Bhd Kuala Lumpur
6	Anugerah Pemasar Industri Tani Terbaik	Chin Sam Chiap Sdn Bhd Johor
7	Anugerah Peladang Lelaki Terbaik	Encik Mohd Khalis bin Abd Karim Perak
8	Anugerah Penternak Waja	Encik Kamarulzaman bin Ali Kedah
9	Anugerah Agropreneur Muda	Encik Mohd Anas bin Mohd Asmawi Perak
10	Anugerah Nelayan Terbaik	Encik Zakaria bin Daud Pahang
11	Anugerah Persatuan Nelayan Terbaik	Persatuan Nelayan Kawasan Besut Pahang

12	Anugerah Unit Peladang Terbaik	Unit Gaong 1, Persatuan Peladang Kuala Berang Terengganu
13	Anugerah Pertubuhan Peladang Terbaik	Persatuan Peladang Kawasan Merbok Kedah
14	Anugerah Peneraju Inovasi Agromakanan	Syarikat Hang Tuah Sdn Bhd Pulau Pinang
15	Anugerah Kumpulan Tani Komersil Terbaik	Koperasi Sawah Gemilang Kampung Padang Balai Berhad Kedah
16	Anugerah Bintang E-Dagang Agro	FGV Agro Fresh Technology (Gogopasar) Selangor
17	Anugerah Peneraju Industri Padi	PLS Marketing (M) Sdn Bhd Selangor